

## DN 2.2: Memperkukuh Industri Ukiran Kayu dalam Kalangan Generasi Muda

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Usaha untuk mengekalkan industri seni ukiran kayu perlu diketengahkan terutamanya dalam kalangan generasi muda.
- Antara usaha lain yang perlu ditekankan adalah dengan meneruskan industri ukiran kayu dalam kalangan generasi muda.
- Cadangan ini juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan penawaran hasil ukiran kayu dalam kawasan desa Johor.

#### Komponen Cadangan:

- Strategi untuk menjadikan seni ukiran sebagai sumber pendapatan dan karier masyarakat desa.
- Menaik taraf pusat Kraf & IKS sedia ada sebagai pusat Latihan.
- Memupuk minat golongan muda untuk menceburi bidang seni ukiran kayu.
- Penggunaan teknologi dan aplikasi dalam pembuatan ukiran kayu.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam, swasta dan masyarakat desa.




Foto: Hasil dan Proses Pembuatan Kayu di Pontian  
Sumber: Facebook, Tujohkraf Tukang Kayu, 2019

### CADANGAN LOKASI

Cadangan lokasi ini adalah berdasarkan aktiviti sedia ada yang memiliki potensi untuk dikembangkan dengan kepelbagaian aktiviti dan program desa.

Daerah	Nama Kampung / Pusat Kraf	Jenis Kampung
Johor Bahru	-	-
Kulai	-	-
Kota Tinggi	-	-
Pontian	Tujuh Kraf, Kampung Kurnia, Pekan Nanas	Kampung Luar Bandar

### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi Latihan Perindustrian</li> <li>• Jabatan Tenaga Manusia (JTM)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Warisan Negara</li> <li>• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kursus Latihan dan insentif tambahan = RM 40,000

### FASA PELAKSANAAN






Foto: Menghasilkan Pelbagai Kraf Berasaskan Pembuatan Kayu  
 Sumber: Facebook, Tujohkraf Tukang Kayu, 2015

## Justifikasi Cadangan

Seni kraf kayu tradisional memiliki nilai eksklusif yang tersendiri. Lakaran dan keunikan yang dihasilkan pada kayu dengan pelbagai motif perlu dikekalkan sebagai tradisi bangsa melayu. Mewujudkan program atau pusat bagi industri ukiran kayu terhadap golongan muda merupakan salah satu cara untuk memartabatkan seni ini. Cadangan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pereka-pereka muda tempatan terutamanya di dalam memahami falsafah dan identiti ukiran kayu tradisional melayu. Usaha ini juga mampu memberikan nafas baharu kepada idea dan inspirasi pereka muda tempatan pada masa akan datang.

Selain dapat mewujudkan peluang pekerjaan, cadangan ini juga mampu meningkatkan penawaran produk ukiran kayu dalam kawasan desa. Fokus juga perlu diberikan terhadap kepelbagaian jenis produk yang merangkumi ukiran untuk pembangunan, kraf tangan, perabot, alat muzik dan lain-lain.




Foto: Hasil pembuatan kayu di Pontian  
 Sumber: Facebook, Tujohkraf Tukang Kayu, 2020



Foto: Hasil pembuatan kayu di Pontian  
 Sumber: Facebook, Tujohkraf Tukang Kayu, 2020